

TAHAP PENGUASAAN GURU PELATIH MENGGUNAKAN  
KAEDAH BELAJAR SAMBIL BERMAIN TERHADAP  
PERKEMBANGAN SOSIAL KANAK-KANAK

***THE PROFICIENCY LEVEL OF TRAINEE TEACHERS  
USING PLAY-BASED LEARNING METHODS IN  
RELATION TO CHILDREN'S SOCIAL DEVELOPMENT***

**Siti Nur Fatimah Azri  
Nurhaffiythah Othman**  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Islam Melaka

**Nur Faradilla Jumati**  
Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial,  
Universiti Selangor

**Nur Filzahhana Ramlee**  
Prasekolah Al-Kauthar,  
Sekolah Kebangsaan Sedenak

\*Corresponding Author's Email: [nurfatihah@unimel.edu.my](mailto:nurfatihah@unimel.edu.my)

---

**Article History:**

*Received* : 27 September 2024

*Revised* : 7 November 2024

*Published* : 31 Disember 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

---

**To cite this article:**

Fatihah, S. N., Haffiythah, N., Faradilla, N., & Filzahhana, N. (2024). TAHAP PENGUASAAN GURU PELATIH MENGGUNAKAN KAEDAH BELAJAR SAMBIL BERMAIN TERHADAP PERKEMBANGAN SOSIAL KANAK-KANAK. *Jurnal Kesidang*, 9(1), 144-157.

**ABSTRAK**

Artikel ini membincangkan tentang tahap penguasaan guru pelatih menggunakan kaedah belajar sambil bermain terhadap perkembangan sosial kanak-kanak. Kajian ini bertujuan untuk (i) mengenal pasti tahap penguasaan guru pelatih menggunakan kaedah belajar sambil bermain terhadap perkembangan sosial kanak-kanak; (ii) mengenal pasti perbezaan

tahap penguasaan guru pelatih menggunakan kaedah belajar sambil bermain mengikut jantina; dan (iii) mengenal pasti hubungan antara tahap penguasaan guru pelatih menggunakan kaedah belajar sambil bermain dengan kemahiran sosial kanak-kanak. Penyelidik menggunakan reka bentuk kuantitatif bagi menghuraikan segala objektif, persoalan kajian dan pembolehubah yang terlibat. Kajian dijalankan oleh pengkaji merujuk kepada responden yang terdiri daripada guru-guru pelatih kursus pendidikan awal kanak-kanak di Universiti Islam Melaka yang menjadi tenaga pengajar sementara dan pendorong kepada perkembangan kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak. Kajian tinjauan juga dijalankan menggunakan borang soal selidik yang memerlukan responden menjawab soalan yang terdapat dalam borang soal selidik. Penyelidik menggunakan 3 kaedah analisis iaitu analisis deskriptif, analisis t-test dan analisis kolerasi. Keputusan menunjukkan bahawa adanya hubungan positif yang sangat kuat dan signifikan antara tahap penguasaan guru pelatih menggunakan kaedah belajar sambil bermain dengan perkembangan sosial kanak-kanak. Impak kajian ini adalah untuk melihat tahap penguasaan guru pelatih menggunakan kaedah belajar sambil bermain dalam meningkatkan perkembangan sosial kanak-kanak dengan lebih baik.

**Kata kunci:** Guru pelatih, Belajar sambil bermain, Perkembangan sosial

#### **ABSTRACT**

*This article discusses the proficiency level of trainee teachers using play-based learning methods in relation to children's social development. The study aims to (i) identify the proficiency level of trainee teachers using play-based learning methods for children's social development; (ii) determine the differences in proficiency levels among trainee teachers using play-based learning methods based on gender; and (iii) identify the relationship between the proficiency level of trainee teachers using play-based learning methods and children's social skills. The researcher employed a quantitative design to address all objectives, research questions, and the variables involved. The study was conducted with respondents consisting of trainee teachers from the early childhood education course at Universiti Islam Melaka, who serve as temporary educators and facilitators for children's social skill development. A survey was also conducted using a questionnaire that required respondents to answer questions within the survey form. The researcher used three methods of analysis: descriptive analysis, t-test analysis, and correlation analysis. The results indicate a very strong and significant positive relationship between the proficiency level of trainee teachers using play-based learning methods and children's social development. The impact of this study is to enhance the proficiency level of trainee teachers using play-based learning methods to improve children's social development more effectively.*

**Keywords:** Trainee teachers, Play-based learning, Social development

## **1.0 PENGENALAN**

Perkembangan Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Malaysia adalah penting bagi memastikan pendidikan awal kanak-kanak dapat memenuhi Falsafah Pendidikan Negara. Dasar Pendidikan Awal Kanak-Kanak diwujudkan untuk mencapai keperluan menyediakan program pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti bagi membentuk pembangunan modal insan kelas pertama yang produktif di abad ke-21. Guru pelatih merupakan elemen penting dalam latihan perguruan sebelum mereka bergelar guru sebenar. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menaruh harapan yang tinggi supaya guru pelatih sentiasa berusaha melakukan penambahbaikan sepanjang masa terutama dalam aspek latihan mengajar untuk melahirkan guru-guru kemahiran tinggi demi memartabatkan pendidikan di Malaysia. (KPM, Pelan pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025).

Kaedah belajar sambil bermain merupakan satu teknik pdp yang memberi peluang kepada kanak-kanak melakukan sesuatu aktiviti dengan keseronokan dalam keadaan terkawal. Proses pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja tertumpu kepada penguasaan dalam kemahiran membaca, menulis, dan mengira akan tetapi perkembangan lain juga perlu diberi perhatian terutamanya perkembangan sosial melalui aktiviti belajar sambil bermain di tadika.

## **2.0 PENYATAAN MASALAH**

Guru pelatih perlu memberi pertimbangan dan memberi perhatian terhadap banyak aspek dalam memastikan latihan mengajar di tadika memenuhi standard yang ditetapkan. Pensyarah pembimbing dan guru pembimbing juga perlu membimbing dan memberi latihan serta cadangan penambahbaikan serta menasihati guru pelatih untuk menjadi guru yang berkualiti dan memenuhi keperluan pasaran pendidikan. Namun, guru tadika swasta tidak perlu mempunyai kelulusan dalam bidang prasekolah atau pendidikan awal kanak-kanak. Kajian Buyong dan Mohamed (2018) menyokong kenyataan ini kerana ia menunjukkan bahawa kelulusan akademik tidak diperlukan untuk bekerja di tadika yang dikaji.

Penglibatan kanak-kanak dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah merupakan salah satu faktor penting bagi memastikan hasil pembelajaran yang diperolehi berkesan sama ada dari segi pengetahuan atau kemahiran. Perkara ini terkandung dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang menjelaskan hasrat pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia yang mementingkan perkembangan secara optimum dan menyeluruh. Selain itu, tahap kesediaan guru pelatih adalah rendah, yang menjadikannya mencabar untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran dengan baik. Kajian oleh Musa, Abd Karim, Adenan, Tarmizi, Junus dan Kelong (2021) menyebut bahawa kesediaan guru untuk melaksanakan pdp adalah sederhana.

Guru pelatih perlu peka terhadap keperluan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan. Mereka juga perlu mempersiapkan diri dengan bekalan pengetahuan dan kemahiran yang terkini dan bersesuaian dengan kanak-kanak (Kementerian Pelajaran

Malaysia, 2010). Guru pelatih di tadika perlu diberi pendedahan awal mengenai kaedah-kaedah pengajaran yang sesuai dengan kanak-kanak. Corak penilaian yang dianggap sesuai untuk kanak-kanak tadika juga perlu didedahkan kepada guru pelatih.

### **3.0 SOROTAN LITERATUR**

Guru pelatih memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Setiap tingkah laku dan amalan pendidik mempunyai kesan yang ketara terhadap proses pengajaran. Sehubungan itu, Nor Amalina dan Zanaton (2019) menyatakan bahawa sikap guru yang positif adalah penting untuk menentukan penerimaan inovasi pengajaran, terutamanya apabila ia berkaitan dengan pemahaman mereka tentang kaedah belajar melalui bermain. Pengetahuan dan sikap guru terhadap kurikulum dan pengajaran tersebut mempengaruhi kejayaan atau kegagalan penyebaran kurikulum. Bagi memastikan semua aspek perkembangan kanak-kanak berkembang secara seimbang terutamanya kognitif, fizikal, afektif, dan sosial, guru mahupun guru pelatih mesti membuat rancangan yang bijak dan sistematik sebelum menggunakan pendekatan belajar melalui bermain dalam sesi pengajaran.

Ini kerana jika guru ataupun guru pelatih tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang mencukupi untuk mengawal pembelajaran melalui bermain, bermain boleh bertukar menjadi aktiviti yang tidak berfaedah dan berbahaya (Hyvonen et. al, 2018). Oleh itu, guru atau guru pelatih harus memainkan peranan penting dalam menentukan kebolehan dan kecenderungan kanak-kanak. Bukan sahaja guru pelatih perlu mempunyai pemahaman tentang kaedah belajar sambil bermain, tetapi mereka juga perlu memikirkan bagaimana ia boleh membantu tumbesaran kanak-kanak sambil mengambil kira keperluan mereka (Aliza, Sharifah, & Zamri, 2018). Guru mesti mempunyai pemahaman yang mendalam tentang bagaimana kanak-kanak belajar dan berkembang melalui kaedah bermain (Sharifah & Aliza, 2013).

Menurut Auni Bazilah dan Mohd Jasmy (2019), bermain adalah aktiviti yang menyenangkan untuk kanak-kanak. Belajar melalui bermain adalah pendekatan kurikulum yang paling sesuai untuk kanak-kanak. Menurut Gregory Lewis Bynum (2015), bagi kanak-kanak, bermain dan kerja adalah matlamat utama pengalaman pembelajaran, tanpa mengira kualiti. Selain itu, beliau menekankan kepentingan bermain dalam falsafah pendidikan. Kurikulum berasaskan bermain boleh membantu guru memperhalusi pemikiran, merangsang otak mereka untuk memahami subjek dengan lebih baik dan meningkatkan kemahiran mereka dengan lebih cekap. Semasa bermain dam ular, markah pelajar untuk kebolehan membaca perkataan dua suku kata meningkat daripada 21 soalan yang dijawab dengan betul pada pusingan pertama kepada 74 soalan pada pusingan kelima, menurut kajian oleh Hairul Aysa dan Rohana (2020). Kaedah ini menunjukkan bagaimana pemindahan pengetahuan dan kecekapan berlaku dalam pembelajaran pelajar. Ia juga menunjukkan bagaimana guru telah berjaya menggunakan pendekatan pengajaran yang berkesan untuk mengajar kanak-kanak dalam kelas prasekolah.

Perkembangan sosial kanak-kanak adalah komponen-komponen kecekapan yang ingin dicapai untuk kanak-kanak berusia 4 hingga 6 tahun yang membantu kesediaan kanak-kanak untuk belajar di dalam kelas (White & Walker, 2018). Salah satu perkembangan yang perlu dikuasai oleh seseorang untuk bertahan dalam dunia ialah perkembangan sosial. Setiap orang membina konsep diri mereka sendiri sejak kecil, dan ini akan membantu membentuk personaliti mereka. Kendirian positif adalah penting untuk kanak-kanak sejak kecil kerana ia adalah penting untuk mengadaptasikan diri di dalam komuniti apabila mereka dewasa (Tharshini, Ibrahim, Mohamad, & Zakaria, 2018).

Ketika bercakap tentang perkembangan sosial kanak-kanak, kebolehan mengawal diri adalah elemen penting yang perlu diambil kira, seperti yang dinyatakan oleh Tharshini et al. (2018). Menurut Harvanko, Strickland, Slone, Shelton, dan Reynolds (2019), tindakan impulsif termasuk sikap tergesa, yang disebabkan oleh dorongan hati dalam tingkah laku, membuat keputusan, dan keinginan untuk diberi tumpuan atau perhatian. Sekiranya seorang kanak-kanak tidak dapat mengawal dirinya dengan baik, ia boleh menyebabkan mereka melakukan perkara seperti keganasan, pengambilan bahan terlarang, antisosial, dan agresif terhadap diri sendiri atau orang lain (Herman, Critchley & Duka, 2018).

Perkembangan sosial kanak-kanak sangat penting. Teori perkembangan psikososial yang diperkenalkan oleh Erikson (1956) menyatakan bahawa faktor sosial mempengaruhi perkembangan seseorang kanak-kanak dalam proses kanak-kanak itu membesar menjadi seorang dewasa. Keperluan hubungan sosial seseorang kanak-kanak dengan kanak-kanak lain atau orang dewasa adalah penting untuk memperlihatkan tahap perkembangan sosial kanak-kanak tersebut. Menurut Erikson (1956), personaliti kanak-kanak dibentuk hasil dari perkembangan psikososialnya yang mana kejayaan atau kegagalan seorang kanak-kanak mencapai matlamat atau menyelesaikan krisis perkembangan akan memberi kesan kepada pembentukan perkembangan sosial kanak-kanak tersebut.

Vygotsky (1978) juga berpendapat bahawa pengajaran dan perkembangan adalah proses yang sentiasa berubah. Pembelajaran tidak sama dengan perkembangan. Tetapi pembelajaran yang tersusun akan membantu meningkatkan kemahiran kanak-kanak dan meningkatkan perkembangan mereka. Dengan kata lain, pembelajaran menggalakkan peningkatan perkembangan sosial dan pengalaman kanak-kanak yang pada akhirnya akan memberi kesan kepada mereka. Vygotsky (1978) juga berpendapat bahawa bercakap dan berkomunikasi antara guru dan kanak-kanak amat penting. Ia dapat membantu secara tidak langsung kanak-kanak untuk mendapat idea yang baharu atau memikirkan idea yang lebih tinggi.

#### **4.0 METODOLOGI**

Menurut Lukas Smusianto (2002) jelas menunjukkan bahawa pendekatan kuantitatif adalah mengutamakan penglibatan data-data yang diwakili oleh angka-angka yang telah dikutip menerusi penyebaran borang soal selidik kepada responden yang telah dipilih. Pengumpulan data numerikal mahupun statistik adalah terjadi menerusi pendekatan kuantitatif apabila penggunaan pengiraan seperti min, median, mod, peratusan, sisihan piawai (SD), varians

dan sebagainya dapat diperolehi setelah pengutipan data dijalankan.

Kajian ini akan menghuraikan segala objektif, persoalan kajian dan pembolehubah yang terlibat. Kajian dijalankan oleh pengkaji merujuk kepada responden yang terdiri daripada guru-guru pelatih kursus pendidikan awal kanak-kanak di Universiti Islam Melaka yang menjadi tenaga pengajar sementara dan pendorong kepada perkembangan kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak. Kajian tinjauan juga dijalankan menggunakan borang soal selidik yang memerlukan responden menjawab soalan yang terdapat dalam borang soal selidik tersebut. Penggunaan borang soal selidik ini dapat memudahkan lagi pengkaji untuk mengumpul data yang diperlukan dalam kajian ini.

Penyelidik menggunakan kaedah deskriptif bagi mengenal pasti ciri-ciri pemboleh ubah yang dikaji. Tinjauan deskriptif ini diperolehi melalui pengedaran borang soal selidik dan responden akan menjawab berkaitan dengan ciri demografi seperti jantina, tahun pengajian dan juga semester semasa. Selain itu tinjauan deskriptif ini juga digunakan kepada pemboleh ubah yang terarah kepada tahap pengetahuan responden menggunakan kaedah belajar sambil bermain terhadap perkembangan sosial kanak-kanak. Tinjauan deskriptif ini tidak memerlukan perbandingan mahupun perhubungan sebaliknya hanya ingin mengetahui karakter mahupun ciri-ciri dalam objektif penyelidikan.

Ujian-t digunakan bagi membandingkan atau mengenal pasti perbezaan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji oleh penyelidik. Kaedah ujian-t ini dijalankan bagi mengenal pasti sama ada perbezaan pemboleh ubah mampu mempengaruhi atau atau tidak pemboleh ubah yang lain. Penyelidik menggunakan ujian -t sampel bebas apabila penyelidik ingin melihat perbezaan jantina mempengaruhi mahupun tidak terhadap pemboleh ubah yang ingin dikaji. Penyelidik menggunakan ujian-t tidak bersandar ini adalah kerana ingin melihat perbezaan dua kumpulan sekaligus mencapai matlamatnya bagi mendapatkan data analisis inferensi.

Analisis korelasi dilaksanakan bagi melihat arah perhubungan antara pemboleh ubah yang akan menunjukkan sama ada perubahan atau perkaitan yang berlaku seiring dengan pemboleh ubah yang laian mahupun tidak. Oleh itu menerusi analisis ini akan menjelaskan perhubungan sebab dan akibat antara pemboleh ubah yang berlaku dalam kajian. Seperti yang diketahui, pemboleh ubah yang pelbagai dinyatakan berdasarkan model mahupun teori terdahulu pernah dilaksanakan. Oleh itu, analisis korelasi ini juga berfungsi untuk mengenalpasti perhubungan anatar teori dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang ingin dikaji oleh penyelidik.

Penyelidik memilih guru pelatih pendidikan awal kanak-kanak di Universiti Islam Melaka sebagai responden kajian. Pemilihan populasi kajian tersebut adalah kerana lokasi tersebut merupakan tempat bekerja penyelidik. Pemilihan sampel dibuat berdasarkan penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan (1970) yang telah menyenaraikan saiz sampel yang bersesuaian dengan saiz populasi kajian. Menerusi jadual 3.1, penyelidik memilih seramai 108 orang responden daripada 150 orang populasi yang terdapat di kawasan kajian. Hal ini kerana, jumlah guru pelatih kursus Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang keluar berpraktikum di dalam industri tadika adalah seramai 150 orang guru pelatih.

**Jadual 3.1 Jadual Penetapan Saiz Sama**

N	S	N	S	N	S	N	S	N	S
10	10	100	80	280	162	800	260	2800	338
15	14	110	86	290	165	850	265	3000	341
20	19	120	92	300	169	900	269	3500	346
25	24	130	97	320	175	950	274	4000	351
30	28	140	103	340	181	1000	278	4500	354
35	32	150	108	360	186	1100	285	5000	357
40	36	160	113	380	191	1200	291	6000	361
45	40	170	118	400	196	1300	297	7000	364
50	44	180	123	420	201	1400	302	8000	367
55	48	190	127	440	205	1500	306	9000	368
60	52	200	132	460	210	1600	310	10 000	370
65	56	210	136	480	214	1700	313	15 000	375
70	59	220	140	500	217	1800	317	20 000	377
75	63	230	144	550	226	1900	320	30 000	379
80	66	240	148	600	234	2000	322	40 000	380
85	70	250	152	650	242	2200	327	50 000	381
90	73	260	155	700	248	2400	331	75 000	382
95	76	270	159	750	254	2600	335	100 000	384
Nota <i>N</i> adalah saiz populasi; <i>S</i> adalah saiz sampel					Sumber : Krejcie & Morgan 1970				

## 5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

**Jadual 4.2 Menunjukkan Frekuensi Dan Peratusan Tahap Pengetahuan Guru Pelatih**

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
< 2.33	2	1.8	Rendah
2.34 - 3.66	9	8.3	Sederhana
> 3.66	97	89.0	Tinggi

Berdasarkan jadual 4.2, secara keseluruhan hasil analisis menunjukkan majoriti guru pelatih prasekolah iaitu seramai 97 orang guru pelatih(89.0%) mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi Manakala seramai 9 orang guru (8.3%) berada pada tahap sederhana dan hanya seramai 2 orang guru (1.8%) sahaja yang mempunyai tahap pengetahuan yang rendah. Secara keseluruhan tahap pengetahuan guru pelatih di prasekolah adalah pada tahap yang tinggi (min=2.8799, sp 0.379).

**Jadual 4.3 Menunjukkan Frekuensi Dan Peratusan Tahap Pengetahuan Guru Pelatih Terhadap Kesan Penggunaan Kaedah Belajar Sambil Bermain Terhadap Sosial Kanak-Kanak**

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
< 2.33	3	2.8	Rendah
2.34 - 3.66	9	8.3	Sederhana
> 3.66	96	88.1	Tinggi

Berdasarkan jadual 4.3, secara keseluruhan hasil analisis menunjukkan majoriti guru pelatih prasekolah iaitu seramai 96 orang guru pelatih (88.1%) mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi Manakala seramai 9 orang guru (8.3%) berada pada tahap sederhana dan hanya seramai 3 orang guru (2.8%) sahaja yang mempunyai tahap pengetahuan yang rendah. Secara keseluruhan tahap pengetahuan guru pelatih di prasekolah adalah pada tahap yang tinggi (min=2.861, sp 0.420)



**Jadual 4.4 Menunjukkan Frekuensi Dan Peratusan Tahap Kemahiran Guru Pelatih Melaksanakan Kaedah Belajar Sambil Bermain Di Dalam Dan Luar Bilik Darjah.**

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
< 2.33	2	1.8	Rendah
2.34 - 3.66	11	10.1	Sederhana
> 3.66	95	87.2	Tinggi

Berdasarkan jadual 4.4, secara keseluruhan hasil analisis menunjukkan majoriti guru pelatih prasekolah iaitu seramai 95 orang guru pelatih (87.2%) mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi Manakala seramai 11 orang guru (10.1%) berada pada tahap sederhana dan hanya seramai 2 orang guru (1.8%) sahaja yang mempunyai tahap pengetahuan yang rendah. Secara keseluruhan tahap pengetahuan guru pelatih di prasekolah adalah pada tahap yang tinggi (min=2.861, sp 0.397).

**Jadual 4.5 Menunjukkan Analisis Ujian-T Bersandar Tahap Pengetahuan Guru Pelatih**

Konstruk	Faktor	Min	s.p	t	Sig.
Kekerapan	Lelaki	2.90	0.300	0.336	0.737
	Perempuan	2.87	0.397		

Berdasarkan jadual 4.5 ujian t sampel bebas telah dilaksanakan untuk membandingkan samada terdapat perbezaan antara lelaki dengan perempuan tahap penguasaan guru pelatih menggunakan kaedah belajar sambil bermain mengikut jantina. Tidak ada perbezaan yang signifikan pada skor lelaki (min = 2.90, s.p = 0.300) dan perempuan (min = 2.87, s.p = 0.397 ; t = 0.336 ; df = 106 , p = iaitu > 0.05. Kesimpulannya dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan di antara lelaki dan perempuan pada tahap penguasaan menggunakan kaedah belajar sambil bermain.

**Jadual 4.6 Menunjukkan Analisis Ujian-T Bersandar Terhadap Tahap Penguasaan Guru Pelatih Terhadap Kesan Penggunaan Kaedah Belajar Sambil Bermain Kepada Sosial Kanak-Kanak Mengikut Jantina.**

Konstruk	Faktor	Min	s.p	t	Sig.
Kekerapan	Lelaki	2.90	0.300	0.528	0.598
	Perempuan	2.85	0.445		

Berdasarkan jadual 4.6 ujian t sampel bebas telah dilaksanakan untuk membandingkan samada terdapat perbezaan antara lelaki dengan perempuan tahap penguasaan guru pelatih terhadap kesan penggunaan kaedah belajar sambil bermain kepada sosial kanak-kanak mengikut jantina.. Tidak ada perbezaan yang signifikan pada skor lelaki (min = 2.9, s.p = 0.300) dan perempuan (min = 2.85, s.p = 0.445 ; t = 0.528 ; df = 106 , p = iaitu > 0.05. Kesimpulannya dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan di antara lelaki dan perempuan pada tahap penguasaan guru pelatih terhadap kesan penggunaan kaedah belajar sambil bermain kepada sosial kanak-kanak mengikut jantina.

**Jadual 4.7 Menunjukkan Analisis Ujian-T Bersandar Terhadap Tahap Kemahiran Guru Pelatih Melaksanakan Kaedah Belajar Sambil Bermain Di Dalam Dan Luar Bilik Darjah Mengikut Jantina.**

Konstruk	Faktor	Min	s.p	t	Sig.
Kekerapan	Lelaki	2.95	0.218	1.713	0.092
	Perempuan	2.83	0.427		

Berdasarkan jadual 4.6 ujian t sampel bebas telah dilaksanakan untuk membandingkan samada terdapat perbezaan antara lelaki dengan perempuan tahap kemahiran guru pelatih melaksanakan kaedah belajar sambil bermain di dalam dan luar bilik darjah mengikut jantina. Terdapat perbezaan yang signifikan pada skor lelaki (min = 2.95, s.p = 0.218) dan perempuan (min = 2.83, s.p = 0.427 ; t = 1.713 ; df = 61.945 , p = iaitu < 0.05. Kesimpulannya dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan di antara lelaki dan perempuan pada tahap

kemahiran guru pelatih melaksanakan kaedah belajar sambil bermain di dalam dan luar bilik darjah mengikut jantungina.

**Jadual 4.8 Menunjukkan Analisis Korelasi Pearson (R) Antara Tahap Penguasaan Guru Pelatih Menggunakan Kaedah Belajar Sambil Bermain Dengan Perkembangan Sosial Kanak-Kanak.**

Pemboleh ubah		Perkembangan sosial
	Pekali Person (r)	1.000
Tahap penguasaan	Signifikan	0.000
	N	108

Berdasarkan jadual 4.7, keputusan analisis korelasi menunjukkan adanya hubungan positif yang sangat kuat dan signifikan antara tahap penguasaan guru pelatih menggunakan kaedah belajar sambil bermain dengan perkembangan sosial kanak-kanak. Nilai korelasi ini adalah  $r(108)=1.000$ ,  $p=0.00$  ( $p<0.01$ ). Oleh itu, H2 didapati benar dan diterima kerana nilai  $r$  menunjukkan terdapat hubungan positif yang sangat kuat.

## 6.0 KESIMPULAN

Pendidikan dan perkembangan sosial adalah asas kepada semua pengetahuan dan kemahiran kanak-kanak sebelum mereka memulakan tahun pertama di sekolah rendah. Untuk melahirkan kanak-kanak yang cemerlang dan berketrampilan dalam semua bidang, asas yang kukuh ini harus dibangunkan dengan betul. Kajian ini menjangkakan bahawa lebih banyak perhatian akan diberikan kepada pelaksanaan kaedah belajar melalui bermain. Tanggungjawab guru mahupun guru pelatih adalah untuk memahami dan menggunakan kaedah bermain dalam proses pengajaran. Oleh itu, institusi pendidikan yang melatih guru pelatih perlu memberikan penekanan khusus kepada elemen-elemen pedagogi bermain dalam kurikulum latihan mereka. Contohnya, modul latihan perlu merangkumi strategi praktikal dan simulasi kaedah ini dalam konteks bilik darjah sebenar. Di samping itu, program latihan juga boleh menekankan kepada guru pelatih cara untuk menyesuaikan aktiviti bermain agar sesuai dengan keperluan individu kanak-kanak, termasuk mereka yang berkeperluan khas

Kaedah ini boleh meningkatkan pengetahuan, kemahiran, menarik minat kanak-kanak terhadap aktiviti pembelajaran dan membantu murid prasekolah mempelajari konsep dengan lebih berkesan. Kaedah ini merangkumi isi pelajaran bagi semua mata pelajaran dan tunjang utama dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Ini disebabkan

oleh fakta bahawa pendekatan pembelajaran bermain ini adalah kaedah pembelajaran yang sangat sesuai untuk digunakan sebagai pendekatan pedagogi kepada kanak-kanak dalam pelbagai peringkat umur. Pihak berkuasa pendidikan boleh menjadikan dapatan ini sebagai asas untuk memperluas penerapan kaedah ini ke dalam pelbagai aspek kurikulum. Sebagai contoh, aktiviti bermain dapat diterapkan dalam subjek asas seperti Bahasa, Matematik, dan Sains untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran holistik kanak-kanak.

Hasil kajian ini membuka ruang kepada penyelidikan yang lebih mendalam mengenai kaedah belajar sambil bermain. Penyelidik boleh menilai elemen-elemen spesifik dalam kaedah ini yang memberikan impak paling besar terhadap perkembangan sosial kanak-kanak. Selain itu, kajian jangka panjang juga boleh dilakukan untuk menilai keberkesanan pendekatan ini terhadap aspek perkembangan lain seperti akademik, emosi, dan kendiri kanak-kanak. Penyelidikan tambahan ini boleh memberikan maklumat yang lebih terperinci kepada guru dan pembuat dasar untuk memperbaiki amalan pengajaran. Secara keseluruhan, kajian ini memberikan pelbagai implikasi positif terhadap pendidikan awal kanak-kanak, khususnya dalam aspek pedagogi bermain. Kejayaan pendekatan ini memerlukan kerjasama antara institusi pendidikan, pembuat dasar, guru pelatih, dan ibu bapa. Dengan memperkukuhkan latihan guru, mengemaskini kurikulum, dan meningkatkan kesedaran komuniti, kaedah belajar sambil bermain dapat terus diterapkan secara meluas dan efektif. Langkah-langkah ini penting untuk memastikan generasi kanak-kanak yang dilahirkan adalah individu yang seimbang, bermoral, dan berketrampilan tinggi.

## **Sumbangan Pengarang**

Fatihah, S. N., Haffiythah, N., Faradilla, N., & Filzahhana, N melaksanakan penulisan pengenalan, sorotan kajian, metodologi, dapatan kajian dan kesimpulan, menjalankan perbincangan, mencadangkan teori serta isi kandungan, semakan dan suntingan draf akhir.

## **Penolakan Tuntutan**

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

## **RUJUKAN**

- Aliza Ali, Sharifah Nor Puteh & Zamri Mahamod. (2018). Isu dan kekangan melaksanakan pendekatan belajar melalui bermain dalam pengajaran bahasa bagi kanak-kanak prasekolah. Seminar Internasional Pendidikan Serantau. Kuala Lumpur: Universiti Terbuka Malaysia.
- Auni Bazilah Alias & Mohd Jasmy Abd Rahman. (2019). Tahap penggunaan pendekatan belajar melalui bermain dalam pengajaran Bahasa Inggeris di kalangan guru sekolah rendah. e--Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, 6(1), 176- 190.
- Buyong, N., & Mohamed, S. (2018). Ciri-Ciri Tadika Berkualiti. Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan, 225-234. Dicapai pada 6 Jun 2020 daripada <http://conference.kuis.edu.my/ispen/wpcontent/uploads/2018/08/24.zalikhha.pdf>
- Erikson, E. H. (1956). The problem of ego identity. *Journal of the American Psychoanalytic Association*, 4(1), 56-121.
- Hairul Aysa Shitiq & Rohana Mahmud. (2010). Using an edutainment approach of a snake and ladder game for teaching Jawi script. *International Conference on Education & Management Technology*, 228-232.
- Herman, A. M., Critchley, H. D., & Duka, T. (2018). The role of emotions and physiological arousal in modulating impulsive behaviour. *Biological Psychology*, 133, 30-43.
- Hie, Y. H., Samsu, K. H. K., Adnan, Z. H., Awang, M. D., & Ab Halim, A. (2018). Peranan guru sebagai agen sosialisasi dalam membentuk perpaduan kaum di sekolah. *Akademika*, 88(2), 95-108.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012a). Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Buku penerangan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017). Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)/Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Semakan 2017. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan). Kuala Lumpur: Penulis
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. 1970. Determining Sample Sizes For Research

- Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 607-610
- Musa, R. T., Abd Karim, N. S., Adenan, N. H., Tarmizi, R. A., Junus, N. W. M., & Kelong, V. E. A. (2021). Tahap kesediaan Guru Pelatih Matematik UPSI dalam melaksanakan PAK21: The level of readiness on the implementation of PAK21 among pre-services Mathematics teachers at UPSI. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14, 82-91
- Nor Amalina Ab Hakim & Zanaton Iksan. (2018). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru terhadap Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dalam mata pelajaran Sains. Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018). Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 5 Julai.
- Tharshini. M.K., Ibrahim, F., Mohamad, M.S. & Zakaria, E. (2018). Tahap konsep sendiri, kesedaran komuniti, sokongan social dan pengintegrasian sosial bagi pesalah muda di Malaysia. *Akademika*, 88(3), 91-100.
- Vygotsky, L.S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological process*. Mashasscuset: Havard College